

Ke arah masyarakat inovatif dan kreatif

Bahagian 2



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

Dalam mesyuarat jawatankuasa SINDEK 2012 (Sabah Invention & Design Exhibition), kami telah memutuskan bahawa tema tahun 2012 adalah “*Striving Towards a Creative Society*”. Kreativiti bukan hanya sangat perlu untuk kemakmuran sejagat, ia juga meningkatkan kesedaran diri dan perkembangan rohani.

Kita hidup dalam satu dunia yang sangat-sangat memerlukan individu dan masyarakat yang kreatif. Kita perlu hidup dalam dunia yang mana nilai ekonomi datangnya daripada kreativiti dan inovasi. Nilai ekonomi dan keuntungan hanya datang dari hasil manfaat inovasi dan nilai ekonomi itu akan hilang apabila inovasi menjadi satu rutin. Itulah sebabnya kita sentiasa memerlukan kreativiti dan inovasi untuk mengekalkan nilai ekonomi.

Perbezaan antara mana-mana perniagaan adalah keupayaan menggunakan segala ilmu pengetahuan untuk menghasilkan sesuatu yang berharga dalam pasaran. Ilmu pengetahuan lebih penting daripada modal dan teknologi.

Mana-mana perniagaan yang semakin makmur dan terus berkembang adalah mereka yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, komited, setia, inovatif, berbakat bersemangat tinggi serta mempunyai sikap positif.

Namun, seseorang yang ingin menjadi inovatif dan kreatif memerlukan persekitaran yang kondusif. Biji benih jika ditaburkan atas lantai simen tidak akan tumbuh. Ia mesti ditaburkan atas tanah, disiram, dibubuh baja dan akhirnya kita boleh mengambil hasilnya.

Begitu juga dengan kreativiti. Ia tidak akan berlaku melainkan individu itu memanfaatkan pengetahuan dan bakat mereka sepenuhnya dan ditambahkan dengan daya imaginasi yang kuat.

Mana-mana jenis organisasi seharusnya fokus kepada mewujudkan persekitaran yang efektif yang boleh menggalakkan orang ramai menjadi kreatif dan memotivasikan mereka untuk mencari idea baru.

Namun, kajian atas kreativiti telah menunjukkan bahawa kebanyakan organisasi bukan hanya tidak menggalakkan kreativiti malahan memendamkan kreativiti. Kebanyakan organisasi dan sistem pendidikan memberi pengajaran cara untuk mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan itu. Muhammad Yunus, pemenang Hadiah Keamanan Nobel (Nobel Peace Prize) tahun 2006 mengatakan, "Semua manusia adalah usahawan. Di kala kita tinggal dalam gua, kita bekerja sendiri untuk mencari makanan. Di situlah bermulanya sejarah manusia. Apabila manusia semakin bertamadun, daya 'usahawan' semakin terpendam. Lama-kelamaan manusia telah dillabelkan sebagai 'pekerja'. Kita telah lupa bahawa kita semua sebenarnya adalah 'usahawan'."

Sir Ken Robinson, dikenali ramai dalam bidang pembangunan pendidikan, kreativiti dan inovasi, berkata, "Setiap negara pada masa ini berubah kepada pendidikan awam. Perubahan itu adalah atas dua sebab, iaitu ekonomi dan budaya."

Semua negara dalam dunia ini sedang berusaha mencari cara yang terbaik untuk mendidik anak bangsa agar mereka mempunyai kesedaran tentang identity budaya untuk diwarisi dan disebar dalam komuniti. Masalahnya adalah mereka cuba membawa kanak-kanak ini mengejar masa depan dengan cara didikan orang-orang terdahulu yang tidak seiring dengan keadaan zaman kini. Ini menyebabkan kanak-kanak tidak lihat tujuan mereka pergi ke sekolah.

Apabila seseorang pergi ke sekolah, dia diberitahu agar belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang baik, seterusnya masuk ke universiti atau kolej untuk dapatkan ijazah yang membolehkan mereka mendapat satu pekerjaan.

Kanak-kanak pada zaman ini yang terdedah dengan pelbagai maklumat sudah tidak mempercayai kata-kata begini. Mereka mempunyai hak untuk berbuat sedemikian kerana sememangnya sekeping sijil ijazah bukan lagi jaminan untuk kehidupan yang lebih baik.

Kebanyakan sistem pendidikan dibentuk berdasarkan umur seseorang kanak-kanak. Kanak-kanak dikumpulkan dalam satu kumpulan dan dididik mengikut kohort umur. Mengapakah kita sering beranggapan bahawa kanak-kanak yang sama umur adalah

sama dari semua segi ? Ini adalah seperti apa yang paling penting tentang mereka adalah tarikh mereka tamat sekolah.

Terdapat ramai kanak-kanak jauh lebih baik dari segi disiplin, intelek, pemikiran, kematangan walaupun mereka adalah sama umur. Kita perlu ketahui bahwa manusia mempunyai keupayaan yang luar biasa.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, seseorang akan menjadi kreatif sekiranya dia menggunakan ilmu pengetahuan, bakat dan kuasa imaginasi secara bebas. Bagaimana kanak-kanak hendak menjadi kreatif sekiranya pengetahuan, bakat dan kuasa imaginasi mereka dihalang pada peringkat awal lagi ?

Pendidikan seharusnya fokus kepada keupayaan, bakat dan minat seseorang. Seseorang boleh menjadi seseorang yang berjaya tanpa pendidikan formal.

Walt Disney mengaut keuntungan yang tidak terkira dari barang jualan, filem dan taman-taman rekreasi seluruh dunia. Tahukah anda beliau telah dipecat oleh seorang penyunting suratkhbar kerana 'kurang daya imaginasi dan tidak boleh memberikan idea yang bernas.'

Thomas Edison selalu ditegur oleh guru-gurunya kerana 'terlalu bodoh untuk belajar sesuatu'.

Albert Einstein, ahli fizik terkenal, hanya boleh mula bercakap apabila beliau berumur 4 tahun dan hanya mampu membaca apabila beliau berumur 7 tahun. Guru-guru dan ibu bapa beliau menganggap beliau sebagai kanak-kanak terencat akal, lambat dalam pembelajaran dan suka menyendiri. Dengan itu beliau telah dibuang sekolah dan tidak diterima balik walaupun dirayu.

Charles Darwin pernah mengatakan, "Saya dianggap sebagai seorang kanak-kanak yang terlalu normal yang berada di bawah paras standard intelek oleh guru-guru dan ibu bapa saya."

Isaac Newton dilahirkan tidak cukup bulan, tidak pernah mencapai keputusan yang baik di sekolah dan diberhentikan dari sekolah.

John D. Rockefeller Sr. digelar jutawan Amerika yang pertama dan dicatatkan sebagai adalah orang yang terkaya dalam sejarah. Beliau tidak menghabiskan sekolah menengahnya kerana berhenti sekolah.

Bersambung...